



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR** berkenan beramah mesra dengan orang ramai di Parit Bakar, Muar, dalam program **KMJ 2016**, semalam.

## KMJ 2016: Penduduk Felda Sri Ledang teruja sambut Sultan Johor

Oleh **LUQMAN HAZIQ**  
 pengarang@utusan.com.my

**TANGKAK 16 Mei** - Suasana di Felda Sri Ledang, dekat sini yang biasanya tenang dengan penduduk melakukan tugas harian seperti mengusahakan kebun kelapa sawit dan getah bertukar 'kecoh' pagi ini.

Ini kerana mereka menerima tetamu yang amat dinanti-nantikan, iaitu Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mengetuai rombongan Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 pada hari ketiga konvoi edisi ke-19 itu.

Baginda yang tiba kira-kira pukul 10 pagi dengan memandu trak Mack bersama-sama Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman disambut dengan paluan kompang dan persembahan silat sebelum menunggang motosikal ke gelanggang pertandingan gasing yang turut dianjurkan di kawasan berhampiran.

Setelah beberapa minit menyaksikan permainan tradisional



berkenaan, baginda yang diiringi Pegawai Daerah Tangkak, Ab. Han Ramin berkenan melawat pameran oleh pelbagai jabatan yang diadakan termasuk memotong kek sempena Sambutan Hari Guru yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Daerah Tangkak.

Sambutan menjadi lebih bermakna apabila Sultan Ibrahim turut berkenan bergambar kenang-kenangan dengan guru-guru yang hadir dalam majlis berkenaan.

Tidak lengkap kunjungan baginda jika tidak memberikan 'hadiah' dan dalam majlis tersebut, Sultan Ibrahim menyampaikan

sumbangan RM100,000 kepada Pertubuhan Anak Yatim Daerah Tangkak yang diwakili oleh Ab. Han.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Johor Corporation (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Terdahulu konvoi hari ketiga KMJ 2016 dimulakan dengan Sultan Ibrahim Iskandar menyaksikan acara menembak di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Segamat, dekat Batu Anam sambil diiringi Ketua Polis negeri, Datuk Wan Ahmad Najmuddin Mohd.

Selain Pulapol, konvoi KMJ singgah di beberapa lokasi termasuk Padang Awam Jementah, Pekan Bukit Gambir, Pekan Parit Bakar dan Kolam Air Panas Sungai Gersik di Muar serta Maktab Rendah Sains Mara dan Monumen Batu Pahat.

Jelajah konvoi KMJ hari ini berakhir di Kem 10 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Batu Pahat.